

08/04/2003

Ramai ahli Pas sertai Umno bukan cerita dongeng

Ayob Mamat

PADA 10 April ini, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka melancarkan program Gelombang Biru di Besut, Terengganu.

Gelombang Biru yang saya faham adalah terjemahan kepada kesedaran rakyat Terengganu terhadap kelemahan dan kegagalan kerajaan Pas mentadbir negeri itu selepas pilihan raya umum 1999. Selepas lebih tiga tahun Pas memerintah Terengganu, ledakan kesedaran rakyat untuk kembali kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) ketika ini dikatakan semakin meluap-luap.

Gendang Gelombang Biru tercetus selepas lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Terengganu pada 16 Ogos 2002.

Kehadiran rakyat yang dianggap luar biasa di padang Sekolah Menengah Tun Telanai, Marang itu boleh dilihat sebagai terjemahan perasaan rakyat yang tidak sabar-sabar menantikan kejatuhan kerajaan Pas. Kemudian, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh menyemarakkan slogan itu pada Konvensyen BN pada 17 Ogos 2002.

Konvensyen itu mengupas pelbagai isu ke arah mengukuhkan jentera parti dan mengintai peluang merampas Terengganu daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang.

Jika anda ke Terengganu, perubahan rakyat untuk melihat BN kembali berkuasa amat besar. Mereka bosan dengan kerajaan Pas yang tidak pernah berubah dan masih bersikap seperti pembangkang di Terengganu. Segala kelemahan diri mereka akan dituding kepada Kerajaan Pusat. Dalam erti kata lain, selepas mereka `membasuh kaki' ketika memperoleh kemenangan dan setelah segala-galanya disediakan BN, pemimpin Pas juga masih tidak berhenti melontar batu sembunyi tangan dalam pemerintahan mereka.

Cerita ramai ahli Pas menyertai Umno bukan kisah dongeng. Rakyat Terengganu mahukan perubahan. Namun seperti yang dikatakan banyak pihak, hanya Umno yang bagaikan tidak mahu menang walaupun Pas sudah tertewas dan dibenci rakyat Terengganu.

Pengertian di sebalik kalimah itu, hanya rakyat Terengganu yang tahu. Sebagai pemerhati, saya tertarik dengan cadangan Ketua Umno Bahagian Dungun, Datuk Rosli Mat Hassan yang mencadangkan BN atau Umno Terengganu menyediakan manifesto pilihan raya lebih awal untuk dinilai dan diteliti oleh rakyat menjelang pilihan raya umum akan datang. Relevannya cadangan itu agar rakyat Terengganu sendiri faham apakah tawaran yang hendak diberikan kepada mereka jika kembali memilih BN.

AYOB MAMAT,

Marang, Terengganu.